

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)**(iv) Industri Intensif Buruh**

Industri minyak sawit mengikut tradisinya merupakan industri yang intensif buruh. Buruh manual digunakan dengan meluas di ladang-ladang terutamanya dalam penanaman dan penyenggaraan pokok-pokok kelapa sawit serta menuai FFB. Akhir-akhir ini, kerbau digunakan sebagai satu cara mengangkut FFB di ladang-ladang kerana ia lebih berkesan kos dan boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan rupa bumi di ladang. Pokok kelapa sawit mengeluarkan buah sepanjang tahun. Ini merupakan kelebihan utama berbanding tanaman minyak tahunan kerana ia membolehkan penggunaan buruh yang cekap. Selain itu, penjenteraan lebih ketara di kilang-kilang minyak sawit di mana jentera-jentera berat digunakan. Ini membolehkan jumlah FFB yang besar diproses dan memastikan minyak sawit yang berkualiti tinggi dihasilkan.

(v) Dinamik Industri**(a) Sifat industri**

CPO yang diproses oleh kilang-kilang minyak sawit di seluruh Malaysia diniagakan di pasaran sebagai satu keluaran. Kualiti CPO dikawal oleh piawai yang ditetapkan oleh PORIM yang juga menentukan parameter fizikal dan kimia pelbagai jenis minyak sawit bertapis di pasaran. Oleh sebab tiada pembezaan keluaran dalam pasaran CPO sehinggakan minyak sawit boleh dianggap sebagai keluaran homogen, maka sifat industri ini seakan-akan sama dengan sifat persaingan sempurna. Oleh itu, hampir-hampir tiada kelainan harga di antara CPO yang dihasilkan daripada ladang-ladang yang berlainan.

(b) Kestabilan Hasil dan Keanjalan Permintaan

Bekalan minyak sawit tidak turun naik secara tidak menentu dan jumlah pengeluaran boleh diunjurkan dengan mudah berdasarkan kawasan keluasan hektar yang matang. Oleh itu, penentu utama harga dan hasil ialah keanjalan permintaan minyak sawit.

Peningkatan penggunaan minyak sawit bergantung kepada dua faktor, iaitu pertambahan penduduk dunia dan pertambahan penggunaan per kapita. Pertumbuhan penduduk dunia, terutama di kebanyakan negara membangun, berserta dengan meningkatnya tahap kemewahan yang dialami di negara-negara ini akan menjadikan permintaan minyak makan lebih tinggi dan semakin meningkat. Oleh sebab kelapa sawit saka merupakan tanaman minyak yang paling produktif kerana kadar hasilnya lebih tinggi daripada mana-mana tumbuhan mengandungi minyak yang lain, maka peningkatan permintaan hanya boleh ditampung oleh minyak sawit kerana pengeluaran minyak pengganti seperti minyak kacang soya dan minyak biji sesawi tidak mungkin akan meningkat lagi pada tahun-tahun akan datang. Pengeluaran minyak pokok kelapa sawit adalah lebih kurang 5 kali lebih banyak daripada kacang tanah dan 9 kali lebih banyak daripada kacang soya.

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)

Namun demikian, persaingan daripada pengganti yang berharga lebih rendah berikutan daripada bekalan berlebihan seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi, dan juga persaingan dari negara-negara pengeluar minyak sawit yang lain seperti Indonesia yang baru-baru ini menurunkan cukai yang dikenakan ke atas eksport minyak sawit daripada 60% kepada 10% dengan itu mewujudkan bekalan yang amat banyak di pasaran, mungkin mendatangkan kesan yang buruk kepada keberuntungan para pengeluar tempatan.

(vi) Harapan dan Pertumbuhan Bagi Industri

Prospek bagi industri minyak sawit pada masa depan yang terdekat ini adalah cerah. Ramalan oleh ramai juruanalisis industri ialah bahawa permintaan minyak sawit akan meningkat selaras dengan pertumbuhan penduduk dunia, terutama di negara-negara membangun, seperti di pasaran-pasaran utama di China, India dan Pakistan. Ketiga-tiga pasaran ini secara kolektif membeli kira-kira 42% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 1996. Berserta dengan promosi minyak sawit yang agresif oleh pihak-pihak berkuasa minyak sawit Malaysia di luar negara, minyak sawit akan dapat menguasai bahagian yang lebih besar dalam pasaran minyak makan dan lemak dunia.

Namun demikian, prospek masa depan dan pertumbuhan industri minyak sawit ini juga dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:-

Kelebihan Harga

CPO kini diniagakan dengan harga diskaun lebih kurang USD25 – USD30 setan berbanding minyak kacang soya. Puratanya, minyak sawit diniagakan dengan harga diskaun 11.1% berbanding minyak kacang soya sejak 1983.

Bahagian Pasaran yang Semakin Meningkat

Minyak sawit telah berjaya meningkatkan bahagian pasarnya dalam pasaran minyak makan dunia, mencapai kadar pertumbuhan pengeluaran yang tertinggi di kalangan semua minyak makan. Sepanjang 16 tahun yang lalu, pengeluaran minyak sawit telah meningkat hampir 300% daripada 4.1 Juta tan kepada 16.1 Juta tan, manakala pengeluaran minyak kacang soya meningkat hanya 50.8% daripada 13.3 Juta tan kepada 20.1 Juta tan. Pakar-pakar perdagangan minyak dan lemak dunia yakin tentang permintaan masa depan bagi minyak sawit. Mereka mengatakan bahawa ia mungkin menguasai lebih 46% daripada perdagangan eksport antarabangsa minyak dan lemak menjelang tahun 2005 berbanding 38% pada masa ini. Berbeza pula dengan minyak kacang soya yang menguasai 21%, biji sesawi 6%, laurik 9%, lemak haiwan 11% dan lain-lain 15%. Minyak-minyak lain terdiri daripada minyak bunga matahari, minyak kelapa, minyak zaitun, minyak biji rami, minyak jarak dan lain-lain.

Peningkatan Pemasaran

Kegiatan pemasaran oleh PORIM, termasuk Program Menyebarluaskan Minyak Sawit yang melibatkan 42 peserta dari 26 buah negara mula membuahkan hasil dari segi meningkatnya kesedaran antarabangsa tentang keluaran minyak sawit dan faedah-faedahnya. Hasil juga dapat dilihat dari segi penerimaan antarabangsa terhadap keluaran-keluaran ini.

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)

Penurunan Tarif

China, sebagai pasaran ketiga terbesar bagi minyak sawit Malaysia selepas Pakistan dan India, sudah pun menurunkan duti importnya ke atas minyak sawit bertapis daripada 18% kepada 12%. Semakan ini menjadikan minyak sawit lebih menarik untuk diimport berbanding pesaing utamanya, iaitu minyak kacang soya kerana duti import ke atas minyak kacang soya kekal pada kadar 13%. Afrika Selatan juga telah mengumumkan hasratnya untuk menurunkan tarif import ke atas CPO Malaysia.

Kejayaan Cemerlang yang Baru dalam Penyelidikan & Pembangunan

Kemajuan yang dicapai akhir-akhir ini dalam teknologi pengeluaran minyak sawit, seperti sistem penuras Concept-P telah meningkatkan kecekapan dan kualiti output. Kegunaan-kegunaan baru minyak sawit juga telah dihasilkan baru-baru ini, misalnya serbuk santan berasaskan minyak sawit, lemak masak serba guna, pulpa dan kertas, serta serbuk pencuci.

Pemansuhan Pembekuan ke atas Buruh Asing di Ladang-ladang

Pengumuman oleh Kerajaan pada November 1997 mengenai pemansuhan pembekuan ke atas pekerja-pekerja asing akan mengurangkan kekangan buruh dalam industri ini dan mengurangkan kos guna tenaga.

Penggabungan PORLA dan PORIM

Cadangan penggabungan dua buah agensi minyak sawit, iaitu PORLA dan PORIM akan menjadikan industri ini lebih cekap dan berkesan lagi, kerana antara lainnya, penggabungan ini akan dapat menghapuskan masalah penyelarasan antara agensi. Usaha-usaha penyelidikan & pembangunan dan pemasaran agensi yang baru bergabung ini akan terus memberi kelebihan bersaing kepada minyak sawit Malaysia berbanding minyak yang dikeluarkan oleh negara-negara lain.

Peningkatan dalam Kadar Pengeluaran Malaysia

Semasa Malaysia terus berada di hadapan dalam pengeluaran minyak sawit dunia, dianggarkan bahawa Malaysia akan mengeluarkan 8.3 juta tan minyak sawit yang merupakan kurang sedikit sahaja daripada 50% daripada pengeluaran komoditi ini di dunia.

Pengekalan Paras Harga CPO Semasa

Paras harga CPO semasa boleh dikekalkan memandangkan perkembangan minyak kacang soya akhir-akhir ini. Berikutan daripada keadaan cuaca kering yang melampau, jangkaan hasil tanaman kacang soya yang melimpah-ruah di Amerika Syarikat tidak mungkin akan menjadi kenyataan. Berdasarkan unjuran rasmi, pengeluaran kacang soya dianggarkan lebih rendah daripada yang dijangkakan berikutan daripada kadar hasil yang lebih rendah. Justeru itu, keadaan bekalan minyak kacang soya yang ketat ini akan membolehkan CPO diniagakan pada paras harga semasa. Sebarang kurangan dalam pengeluaran kacang soya akan mempunyai kaitan yang kuat dengan permintaan dan penawaran minyak makan dan lemak kerana minyak kacang soya merupakan satu-satunya minyak yang paling banyak digunakan di dunia.

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)

Selain itu, lebih kurang 50% daripada kawasan kacang soya di Amerika Syarikat ditanami dengan tanaman yang sudah diubahsuai genetiknya. Dengan tentangan dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap tanaman yang diubahsuai genetiknya di kalangan para pengilang makanan dan pengguna, maka permintaan kacang soya mungkin terjejas dan pengganti seperti minyak sawit akan mendapat faedah daripada keadaan ini.

Selain itu, India yang merupakan pembeli utama minyak sawit juga telah menyatakan hasratnya untuk meningkatkan pembelian minyak sawit berikutan kekurangan bekalan minyak kacang tanah dalam negara akibat daripada kemarau.

Pengekulan Margin Keuntungan

Menurut Jardine Fleming Research, purata kos pengeluaran bagi CPO ialah antara RM600-700 setan. Kali terakhir harga CPO jatuh di bawah paras pulang modal industri ini, iaitu RM700 setan ialah pada tahun 1986 dan pada paras harga semasa lebih kurang RM1,150 setan metrik (setakat Januari 2000), syarikat-syarikat perladangan mungkin akan memperoleh untung kasar kira-kira 46-54%.

Sumber: Jardine Fleming Research, "Packing The Planters' Punch", 1 Mac 1998.
 Business Times, "Malaysia Ready To Held Latin America Palm Oil Businesses", 8 September 1997.
 Business Times, "PORIM's New Method To Improve CPO Quality", 9 September 1997.
 Business Times, "R&D, Marketing Key To Success Of Palm Oil Industry", 17 September 1997.
 Business Times, "Haze Will Affect Palm Oil Production", 4 November 1997.
 Business Times, "Government To Lift Freeze On Foreign Workers", 25 November 1997.
 Business Times, "CPO Export Ban To Be Lifted", 10 Mac 1998.
 The Star, "South Africa May Lower Tariff On Our Palm Oil", 10 September 1997.
 The Star, "Bright Prospects For The Palm Oil Sector At Dawn Of New Millennium", 16 Februari 1998.
 The Star, "PORLA And PORIM Set To Merge Before Year End", 9 Mac 1998.
 Business Times, "Bumper Year For Commodities Seen", 22 April 1998.
 Business Times, "Indonesia Lifts CPO Ban, But Slaps Tax On Exports", 23 April 1998.

(vii) Rancangan Masa Depan Kumpulan UDPB

Memandangkan masa depan industri minyak sawit yang cerah, Kumpulan merancang untuk mengembangkan lagi perniagaannya seperti berikut:-

- (a) mengembangkan bank tanahnya untuk pembangunan ladang, di dalam dan di luar negara. Kumpulan sudah pun memulakan usaha ini melalui salah sebuah anak syarikatnya, Ucorp yang telah mengambil alih seluruh modal saham diterbitkan dan berbayar lima (5) buah syarikat daripada Lion Plantations dan Zuba yang pula memiliki tanah seluas kira-kira 5,409 ekar yang sebelum ini ditanami koko dan telah ditukar menjadi ladang-ladang kelapa sawit baru-baru ini.

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)

- (b) mempertingkatkan keupayaan pengilangannya kerana menjangkakan berlakunya peningkatan pengeluaran FFB pada masa depan daripada ladang-ladang Kumpulan dan bukan Kumpulan kerana sebahagian besar daripada ladang Kumpulan terdiri daripada pokok-pokok yang tidak matang, hampir matang dan baru matang.
- (c) mempelbagaikan kegiatan dengan menceburi kegiatan berasaskan perladangan yang lain pada masa yang sesuai jika berdaya maju dari segi ekonomi.

Mengambil kira permintaan sejagat yang berterusan dan sentiasa meningkat bagi minyak sawit, perubahan dan perkembangan yang sedang berlaku dalam industri minyak sawit, berserta dengan pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa minyak sawit Malaysia, maka dijangkakan bahawa Kumpulan akan dapat memperoleh faedah daripada industri ini hasil daripada kedudukan Malaysia yang kukuh dalam pasaran minyak dan lemak dunia.


6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB

6.1 Pemerbadanan

UDPB telah diperbadankan di Malaysia pada 11 Disember 1981 sebagai sebuah syarikat sendiri berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai Unico-Desa Plantations Sdn Bhd. Syarikat telah ditukar kepada syarikat awam berhad pada 1 April 1998 dan menggunakan nama semasanya.

Sebelum Langkah Penyusunan Semula, UDPB adalah anak syarikat milik penuh UHB. Struktur korporat syarikat-syarikat kumpulan UHB sebelum dan selepas Langkah Penyusunan Semula adalah seperti berikut:-


SEBELUM LANGKAH PENYUSUNAN SEMULA



* *UDPB sedang memohon penyenaiaan pada Papan Utama BSKL*

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

SELEPAS LANGKAH PENYUSUNAN SEMULA



* *Selepas penyenaian UDPB, Syarikat akan dimiliki 42.13% oleh UHB.*

Struktur korporat Kumpulan UDPB selepas Langkah Penyusunan Semula dinyatakan di bawah Seksyen 1.1 Prospektus ini.

6.2 Modal Saham dan Perubahan dalam Modal Saham

Modal saham yang dibenarkan diterbitkan dan berbayar pada masa ini masing-masing adalah RM500,000,000 dan RM89,000,000 terdiri daripada saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Perubahan dalam modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar sejak pemerbadannya adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar RM
11.12.81	2	1.00	Saham-saham pelanggan	2
17.04.84	9,998	1.00	Tunai	10,000
30.12.88	4,990,000	1.00	Tunai	5,000,000
08.02.2000	543,323	1.00	Diterbitkan pada RM26.97 setiap saham selaras dengan Pengambilalihan UOMSB	5,543,323
08.02.2000	1,236,236	1.00	Diterbitkan pada RM26.97 setiap saham selaras dengan Pengambilalihan UCorp	6,779,559
08.02.2000	43,907	1.00	Diterbitkan pada RM26.97 setiap saham selaras dengan Pengambilalihan UPSB	6,823,466
08.02.2000	28,613,300	1.00	Permodalan jumlah teraku kepada UHB	35,436,766
16.02.2000	1,500,000	1.00	Diterbitkan pada RM1.50 setiap saham selaras dengan Terbitan Terhadap kepada Eksekutif	36,936,766
16.02.2000	1,000,000	1.00	Diterbitkan pada RM1.50 setiap saham selaras dengan Terbitan Terhadap kepada Pengarah	37,936,766
18.02.2000	51,063,234	1.00	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Bonus pada nisbah 135:100	89,000,000

6.3 Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan akaun teraudit UDPB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac-----→					Tempoh lima (5) bulan berakhir
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	31.8.99 RM'000
Jumlah dagangan	18,704	24,617	30,612	53,923	78,957	26,070
PBT	8,165	9,637	8,025	20,241	37,084	10,131
Tolak : Cukai	-	-	-	(2,100)	(3,516)	(4,200)
PAT	8,165	9,637	8,025	18,141	33,568	5,931
MI	-	-	-	-	-	-
PAT selepas MI	8,165	9,637	8,025	18,141	33,568	5,931
Bil. saham biasa dalam terbitan ('000)	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
EPS kasar (RM)	1.63	1.93	1.61	4.05	7.42	* 4.86
EPS bersih (RM)	1.63	1.93	1.61	3.63	6.71	* 2.85
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	150	100	380

* Disetahunkan

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)**Nota:-**

- (a) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1996, peningkatan dalam jumlah dagangan adalah akibat daripada peningkatan dalam kadar hasil FFB.
- (b) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997, keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah adalah akibat daripada pengurangan dalam harga FFB, kenaikan dalam kos kendalian ditanggung untuk kilang minyak sawit baru yang hanya memulakan operasinya pada pertengahan kedua tahun kewangan dan kos ditanggung dalam peningkatan infrastruktur dalam estet.
- (c) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1998 dan 1999, peningkatan dalam jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai adalah akibat daripada kenaikan dalam kawasan yang matang dan purata harga FFB.
- (d) Tidak ada perkara terkecuali atau perkara luar biasa berhubung dengan semua tahun kewangan di bawah kajian.

6.4 Langkah Penyusunan Semula

Penyenaaraian UDPB telah diluluskan oleh SC pada 5 Februari 1999, MITI pada 18 Jun 1998 dan 17 Disember 1998, dan FIC pada 18 Julai 1998 dan 14 Januari 1999. Sehubungan dengan dan sebagai bahagian penting penyenaaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Utama BSKL, Syarikat melaksanakan langkah penyusunan semula melibatkan yang berikut:-

(i) Langkah Penilaian Semula

Harta-harta UDPB, UOMSB, Kumpulan UCorp dan UPSB telah dinilai semula masing-masing pada 27 Oktober 1997, 29 Oktober 1997 dan 15 Ogos 1998 bersama dengan surat pengesahan bertarikh 21 Ogos 1998 oleh jurunilai profesional bebas, CH Williams Talhar & Wong (Sabah) Sdn Bhd berdasarkan nilai pasaran terbuka harta-harta mengguna kaedah-kaedah perbandingan, pelaburan, kos penggantian dan kos penggantian bersih. Pada 5 Februari 1999, SC meluluskan jumlah lebihan penilaian semula sebanyak RM82,074,551 bagi penilaian semula harta-harta Kumpulan UDPB seperti berikut:-

Pemilik/Hak Milik/Lokasi/Keterangan	Nilai Pasaran Terbuka Dinilai Oleh Jurunilai Pada 15 Ogos 1998		Nilai Buku Bersih Teraudit Pada 31 Mac 1998	Lebihan Penilaian Semula / (Defisit)
	RM	RM		
UDPB (Penanaman kelapa sawit dan kilang minyak sawit)				
CL095316475	170,952,000	165,200,000	112,145,143	53,054,857
CL095316484				
CL095316493				
CL095316500				
CL095316519				
CL095316528				
CL095316537				
Daerah Kinabatangan, Sabah				
UOMSB (Kilang minyak sawit)				
CL115357438	8,500,000	8,500,000	6,606,627	1,893,373
CL115360186				
CL115360195				
Daerah Lahad Datu, Sabah				

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pemilik/Hak Milik/Lokasi/Keterangan	Nilai Pasaran Terbuka Dinilai Oleh Juranilai Pada 15 Ogos 1998	Penilaian Diluluskan Oleh SC	Nilai Buku Bersih Teraudit Pada 31 Mac 1998	Lebih Penilaian Semula / (Defisit)
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan UCorp (Penanaman kelapa sawit)				
CL095322820	64,850,000	61,100,000	33,659,289	27,440,711
CL095322839				
CL095317221				
CL095317212				
CL095317481				
CL095317543				
CL095316251				
CL095317356				
CL095317365				
CL095317374				
CL095317847				
CL095319010				
CL095318068				
CL095317838				
CL095317829				
CL095317178				
CL095321369				
CL095314579				
Daerah Kinabatangan, Sabah				
UPSB (Penanaman kelapa sawit)				
CL115333438	1,500,000	1,200,000	1,514,390	(314,390)
Daerah Lahad Datu, Sabah				
JUMLAH	245,802,000	236,000,000	153,925,449	82,074,551

ii) **Pengambilalihan UOMSB**

Pengambilalihan 6,500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan kepentingan ekuiti UOMSB bagi balasan pembelian sebanyak RM14,653,433 berdasarkan NTA UOMSB pada 31 Mac 1998 sebanyak RM12,760,070 selepas pelarasan bagi lebih penilaian semula sebanyak RM1,893,373.

Balasan pembelian telah dijelaskan melalui terbitan sebanyak 543,323 Saham baru dalam UDPB pada harga terbitan lebih kurang RM26.97 setiap Saham kepada penjual berikut :-

Penjual	Bil saham UOMSB diambil alih oleh UDPB	% ekuiti dalam UOMSB	Bil saham biasa dalam UDPB diterbitkan
UHB	6,500,000	100.00	543,323
Jumlah	6,500,000	100.00	543,323

Perjanjian jual beli bersyarat ditandatangani pada 12 Oktober 1999 dan Pengambilalihan UOMSB telah selesai dilaksanakan pada 8 Februari 2000.

6. **MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)**iii) **Pengambilalihan UCorp**

Pengambilalihan 2,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan kepentingan ekuiti UCorp bagi balasan pembelian sebanyak RM33,341,292 berdasarkan NTA Kumpulan UCorp pada 31 Mac 1998 sebanyak RM5,900,581 selepas pelarasan bagi lebihan penilaian semula sebanyak RM27,440,711.

Balasan pembelian telah dijelaskan melalui terbitan sebanyak 1,236,236 Saham baru dalam UDPB pada harga terbitan lebih kurang RM26.97 setiap Saham kepada penjual berikut :-

Penjual	Bil saham UCorp diambil alih oleh UDPB	% ekuiti dalam UCorp	Bil saham biasa dalam UDPB diterbitkan
UHB	2,000,000	100.00	1,236,236
Jumlah	2,000,000	100.00	1,236,236

Perjanjian jual beli bersyarat ditandatangani pada 12 Oktober 1999 dan Pengambilalihan UCorp telah selesai dilaksanakan pada 8 Februari 2000.

iv) **Pengambilalihan UPSB**

Pengambilalihan 1,528,541 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan kepentingan ekuiti UPSB bagi balasan pembelian sebanyak RM1,184,174 berdasarkan NTA UPSB pada 31 Mac 1998 sebanyak RM(29,975) selepas pelarasan bagi defisit penilaian semula sebanyak RM314,390 dan jumlah permodalan teraku kepada UHB melalui UPSB sebanyak RM1,528,539.

Balasan pembelian telah dijelaskan melalui terbitan sebanyak 43,907 Saham baru dalam UDPB pada harga terbitan lebih kurang RM26.97 setiap Saham kepada Penjual berikut:-

Penjual	Bil saham UPSB diambil alih oleh UDPB	% ekuiti dalam UPSB	Bil saham biasa dalam UDPB diterbitkan
UHB	1,528,541	100.00	43,907
Jumlah	1,528,541	100.00	43,907

Perjanjian jual beli bersyarat ditandatangani pada 12 Oktober 1999 dan Pengambilalihan UPSB telah selesai dilaksanakan pada 8 Februari 2000.

Harga terbitan bagi Pengambilalihan dipersetujui berdasarkan NTA teraudit setiap saham UDPB pada 31 Mac 1998. NTA teraudit setiap saham UDPB lebih kurang RM26.97 setiap saham adalah berdasarkan NTA teraudit terlaras UDPB pada 31 Mac 1998 sebanyak RM134,834,813 (selepas menyelaras NTA teraudit sebanyak RM81,779,956 bagi lebihan penilaian semula sebanyak RM53,054,857) dan modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak RM5,000,000 terdiri daripada 5,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham (sebelum Langkah Penyusunan Semula).

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

v) Permodalan jumlah teraku kepada UHB

Pertukaran sebanyak RM28,613,300, merupakan jumlah teraku kepada UHB oleh UDPB, ke dalam ekuiti berasaskan satu (1) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam UDPB bagi setiap RM1.00 hutang. Penukaran jumlah teraku kepada UHB ke dalam ekuiti telah selesai dilaksanakan pada 8 Februari 2000.

vi) Terbitan Terhadap kepada Eksekutif

UDPB melaksanakan terbitan terhadap sebanyak 1,500,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.50 setiap saham kepada eksekutif-eksekutif UHB dan Kumpulan UDPB.

Butir-butir penggunaan perolehan daripada Terbitan Terhadap kepada Eksekutif dinyatakan dalam Seksyen 4.5 Prospektus ini. Terbitan Terhadap kepada Eksekutif telah selesai dilaksanakan pada 16 Februari 2000.

vii) Terbitan Terhadap kepada para Pengarah

UDPB melaksanakan terbitan terhadap sebanyak 1,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.50 setiap saham kepada para pengarah UHB dan Kumpulan UDPB seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bil. saham
Dato' Lim Guan Teik (<i>Pengerusi UHB dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	90,000
Tan Sri Lim Geok Chan @ Lim Yock Ching (<i>Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	90,000
Tan Sri Ngan Ching Wen	130,000
Dato' Seri Lim Gait Tong (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Quek Suan Hiang @ Quek Chee Hiang (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Tan Kai Hee (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong	60,000
Yuo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan	60,000
Mew Jin Seng	60,000
Dato' Lee Seng Cheng	60,000
Dato' Lee Choon @ Lee Chun	60,000
Goh Kok Kee @ Goh Ewe Boon (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Yap Fock On (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Lai Swee Chin @ Lai Swee Sang (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Dato' Chan Woot Khoo (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Khor Seong Mooi (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Teo Siang Ann (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
	<u>1,000,000</u>

Butir-butir penggunaan perolehan daripada Terbitan Terhadap kepada para Pengarah dinyatakan dalam Seksyen 4.5 Prospektus ini. Terbitan Terhadap kepada para Pengarah telah selesai dilaksanakan pada 16 Februari 2000.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)**viii) Terbitan Bonus**

UDPB melaksanakan terbitan bonus 51,063,234 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham berasaskan lebih kurang satu ratus tiga puluh lima (135) saham biasa baru bagi setiap satu ratus (100) saham dipegang sedia ada. Terbitan Bonus telah dipermodalkan daripada rizab penilaian semula dan keuntungan tidak diagih Syarikat.

Terbitan Bonus telah selesai dilaksanakan pada 18 Februari 2000.

ix) Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan

UDPB akan menerbitkan 49,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham atau 35.5% modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan pada harga terbitan RM1.50 setiap saham selaras dengan Terbitan Awam. Selain daripada itu, pemegang saham sedia ada UDPB, iaitu UHB, juga akan menawarkan 25,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham merupakan lebih kurang 18.11% modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar pada harga tawaran RM1.50 setiap saham kepada Pemegang Saham UHB Yang Berhak.

x) Penvenaraian

Modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 138,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham akan disenaraikan pada Papan Utama BSKL.

6.5 Gambaran Keseluruhan Perniagaan

Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan FFB, pemprosesan dan pemasaran keluaran minyak sawit. Jumlah FFB daripada kawasan matang dan keluaran serta sumbangan CPO kepada jumlah dagangan dan PBT daripada Kumpulan UDPB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999 yang mana berdasarkan proforma keputusan disatukan teraudit Kumpulan UDPB adalah seperti berikut:-

Tahun berakhir 31 Mac	1995	1996	1997	1998	1999	Tempoh lima (5) bulan berakhir 31.8.99
Pengeluaran FFB (TM)	80,219	111,280	148,927	154,842	159,540	83,284
Pengeluaran CPO (TM)	22,323	27,816	34,999	53,093	56,182	28,562
PK (TM)	5,454	6,723	8,076	11,623	12,768	5,713

Jenis Kegiatan	←----- Sumbangan kepada Jumlah Dagangan Kumpulan ----- →					
	%	%	%	%	%	%
Peladangan (FFB)	51.51	49.55	49.25	49.84	50.34	41.34
Pengilangan : CPO	39.35	41.22	40.84	42.51	39.76	45.58
: PK	9.14	9.23	9.91	9.22	9.90	13.08
	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Jenis Kegiatan	←----- Sumbangan kepada PBT Kumpulan -----→					
	%	%	%	%	%	%
Peladangan (FFB)	84.24	68.20	73.49	93.53	101.51	102.57
Pengilangan (CPO & PK)	15.76	31.80	26.51	6.47	(1.51)	(2.57)
	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Memandangkan PK adalah keluaran sampingan proses mengilang, sumbangan PK ke arah PBT Kumpulan adalah tidak penting.

CPO dan PK yang dikeluarkan oleh Kumpulan dijual dalam pasaran domestik, iaitu kepada kilang penapisan tempatan untuk tujuan mengeluarkan minyak sawit bertapis dan minyak PK.

6.5.1 Keluaran dan Khidmat

Kegiatan Kumpulan UDPB boleh dibahagi kepada:-

Penanaman Kelapa Sawit:-

Kumpulan mempunyai sejumlah 21 ladang dengan kawasan tanah digabung seluas 12,140.10 hektar. Jumlah kawasan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit ialah 11,440.64 hektar. Butir-butir ladang Kumpulan dinyatakan di bawah Seksyen 6.7. Ladang kelapa sawit Kumpulan terletak di negeri Sabah, terutamanya dalam Daerah Kinabatangan dan Lahad Datu.

Pecahan ladang dan penggunaan ladang adalah seperti berikut :-

Estet (hektar)	←-----Ditanam-----→			Jumlah Keluasan
	Matang	Belum matang	Lain- lain *	
UDPB	6,414.10	-	415.50	6,829.60
UCorp	33.70	-	10.12	43.82
Esteemplan	188.50	-	12.00	200.50
Jimery	176.60	-	22.80	199.40
Lajung Kelapa Sawit	191.90	-	5.90	197.80
Kesan Jaya	190.81	-	7.29	198.10
Puuvun	353.40	-	30.60	384.00
Builtec	185.97	-	10.93	196.90
Mautas	184.20	-	18.30	202.50
Marga Jaya	188.72	-	8.18	196.90
Tekad Murni	631.29	-	107.86	739.15
Sri Kundasang	204.00	-	31.30	235.30
Zutaland	-	181.91	15.29	197.20
Longlive	-	77.56	3.39	80.95
Fasgro	-	475.39	-	475.39
Topcrop	-	355.85	-	355.85
Segaco	-	180.49	-	180.49
Tutico	-	85.03	-	85.03
Supercrop	-	83.69	-	83.69
Zuba	-	1,008.97	-	1,008.97
UPSB	-	48.56	-	48.56
	8,943.19	2,497.45	699.46	12,140.10

* Lain-lain kawasan umumnya merupakan jalan estet, bangunan, sekolah dan tapak rumah, kuari dan kawasan tidak boleh ditanam terdiri daripada paya, tasik, kolam, batuan dan anak sungai

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Usia pokok kelapa sawit di ladang dan kawasan tanah masing-masing dalam hektar adalah seperti berikut:-

Tahun ditanam Usia Pokok	1987 12	1988 11	1989 10	1990 9	1991 8	1992 7	1993 6	1994 5	1995 4	1996 3	1997 2	1998 1	1999 0	Jumlah
UDPB	1,157.30	302.20	1,158.90	1,180.22	1,283.92	1,331.56	-	-	-	-	-	-	-	6,414.10
UCorp	-	-	-	-	-	-	-	-	33.70	-	-	-	-	33.70
Estceplan	-	-	-	-	-	-	188.50	-	-	-	-	-	-	188.50
Jimery	-	-	-	-	-	-	176.60	-	-	-	-	-	-	176.60
Lajung Kelapa Sawit	-	-	-	-	-	-	-	-	191.90	-	-	-	-	191.90
Kesan Jaya	-	-	-	-	-	-	-	-	190.81	-	-	-	-	190.81
Puuun	-	-	-	-	-	-	353.40	-	-	-	-	-	-	353.40
Builtec	-	-	-	-	-	-	-	-	185.97	-	-	-	-	185.97
Mautas	-	-	-	-	-	-	-	184.20	-	-	-	-	-	184.20
Marga Jaya	-	-	-	-	-	-	-	188.72	-	-	-	-	-	188.72
Tekad Murni	-	-	-	-	-	39.22	-	156.51	435.56	-	-	-	-	631.29
Sri Kundasang	-	-	-	-	-	-	170.00	-	-	34.00	-	-	-	204.00
Zutaland	-	-	-	-	-	-	-	-	-	181.91	-	-	-	181.91
Longlive	-	-	-	-	-	-	-	-	-	77.56	-	-	-	77.56
Fasgro	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	475.39	475.39
Toperop	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	355.85	355.85
Segaco	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	180.49	180.49
Tufico	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	85.03	85.03
Supererop	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	83.69	83.69
Zuba	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,008.97	1,008.97
UPSB	-	-	-	-	-	-	-	-	-	48.56	-	-	-	48.56
JUMLAH	1,157.30	302.20	1,158.90	1,180.22	1,283.92	1,370.78	888.50	529.43	1,037.94	342.03	-	-	2,189.42	11,440.64

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Penerangan tentang 21 buah ladang di bawah Kumpulan UDPB boleh diringkaskan seperti berikut:-

(a) Ladang UDPB

Ladang UDPB yang meliputi kawasan seluas kira-kira 6,829.6 hektar dan terletak di atas tujuh (7) bidang tanah kini di bawah pegangan pajak dengan 99 tahun dengan tempoh baki 81 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 44 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 67 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 6,414.1 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan usia purata 7 hingga 12 tahun. Kawasan yang tidak ditanam seluas kira-kira 415.5 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang, bangunan, pejabat, sekolah dan tapak perumahan, dan kawasan yang tidak dapat ditanami terdiri daripada paya, sungai, kolam dan batu. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini mula-mula ditanam pada tahun 1987 dan sudah betul-betul matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	80,219	111,163	143,253	141,786	134,026
Keluasan Hektar Ladang Matang	6,125	6,414	6,414	6,414	6,414
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	13.10	17.33	22.33	22.11	20.90

(b) Ladang UCorp

Ladang UCorp yang meliputi kawasan seluas kira-kira 43.82 hektar dan terletak di atas dua (2) bidang tanah, kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat tempoh masing-masing pada 31 Disember 2092 dan 31 Disember 2093 dengan tempoh baki masing-masingnya 92 dan 93 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 44 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 67 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 33.7 hektar, iaitu 97% daripada kawasan ladang ini telah ditanami dengan kelapa sawit dengan umur purata 4 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas lebih kurang 10.12 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang ini. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Jun hingga September 1995 dan adalah pokok-pokok yang baru matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	-	221
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	-	34
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	-	6.50

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)**(c) Ladang Esteemplan**

Ladang Esteemplan yang meliputi kawasan seluas kira-kira 200.5 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2087 dengan tempoh baki 87 tahun. Ladang ini terletak di Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 50 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 60 km ke tenggara bandar Sandakan. Ladang ini terletak kira-kira 300 meter ke utara ladang UDPB.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 188.5 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 6 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 12.0 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang ini. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Julai hingga Oktober 1993 dan sudah betul-betul matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	8	1,142	2,710	3,820
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	189	189	189
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	6.04	14.38	20.27

(d) Ladang Jimery

Ladang Jimery yang meliputi kawasan seluas kira-kira 199.4 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2087 dengan tempoh baki 87 tahun. Ladang ini terletak di Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 176.6 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 6 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 22.8 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang ini. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Julai hingga Oktober 1993 dan sudah betul-betul matang.

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	975	1,793	2,981
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	177	177	177
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	5.52	10.15	16.88

(e) Ladang Lajung Kelapa Sawit

Ladang Lajung Kelapa Sawit yang meliputi kawasan seluas kira-kira 197.8 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2086 dengan tempoh baki 86 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di daerah Dinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 191.9 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 4 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 5.9 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang, tapak perumahan untuk kakitangan ladang dan rizab kuari. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Februari hingga Jun 1995 dan pokok-pokoknya baru matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	105	1,073
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	192	192
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	0.55	5.59

(f) Ladang Kesan Jaya

Ladang Kesan Jaya yang meliputi kawasan seluas kira-kira 198.1 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2086 dengan tempoh baki 86 tahun. Ladang ini terletak di Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 190.81 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 4 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 7.29 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang dan tapak perumahan untuk kakitangan ladang. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Jun hingga Oktober 1995 dan pokok-pokoknya baru matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	16	790
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	191	191
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	0.08	4.14

(g) Ladang Puuvun

Ladang Puuvun yang meliputi kawasan seluas kira-kira 384.0 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2085 dengan tempoh baki 85 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 46 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 71 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 353.4 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 6 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 30.6 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang ini dan kawasan paya yang tidak dapat ditanami. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini mula-mula ditanam antara bulan Mei hingga Disember 1993 dan pokok-pokoknya baru matang.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	1,722	2,970	3,940
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	176.7	353.0	353.0
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	9.75	8.41	11.16

(h) Ladang Bultec

Ladang Bultec yang meliputi kawasan seluas kira-kira 196.90 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2088 dengan tempoh baki 88 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 185.97 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 4 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 10.93 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang dan tapak perumahan. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Januari hingga Jun 1995 dan pokok-pokoknya baru matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	60	543
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	-	186
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	-	2.92

(i) Ladang Mautas

Ladang Mautas yang meliputi kawasan seluas kira-kira 202.50 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2085 dengan tempoh baki 85 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 184.20 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 5 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 18.30 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang, tapak perumahan untuk kakitangan ladang, rizab kuari dan kawasan yang tidak dapat ditanami yang terdiri daripada sungai dan kolam. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan September 1994 hingga Februari 1995 dan sudah betul-betul matang.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	9	759	1,706
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	184.2	184.2
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	4.12	9.26

(j) Ladang Marga Jaya

Ladang Marga Jaya yang meliputi kawasan seluas kira-kira 196.90 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2086 dengan tempoh baki 86 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 188.72 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 5 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 8.18 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan September 1994 hingga Februari 1995 dan pokok-pokoknya baru matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	1,133	2,119
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	188.7	188.7
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	6.00	11.23

(k) Ladang Tekad Murni

Ladang Tekad Murni yang meliputi kawasan seluas kira-kira 739.15 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun dengan tempoh baki antara 87 hingga 92 tahun. Ladang ini terletak di Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 631.29 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 4 hingga 7 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 107.86 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang, tapak perumahan untuk kakitangan ladang, tapak bangunan, paya yang tidak dapat ditanami dan rizab kuari. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Disember 1992 hingga Ogos 1995 dan merupakan gabungan pokok-pokok yang sudah betul-betul matang dan pokok-pokok yang hampir matang.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	74	933	2,134	5,126
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	39.2	176.6	195.73	631.29
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	1.89	5.39	10.90	8.12

(l) Ladang Sri Kundasang

Ladang Kundasang yang meliputi kawasan seluas kira-kira 235.30 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2085 dengan tempoh baki 85 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 46 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 71 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 204.0 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 3 hingga 6 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 31.3 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang dan kawasan yang tidak dapat ditanami terdiri daripada tasik. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Oktober hingga November 1993 yang sudah betul-betul matang dan Mei 1996.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	887	1,377	2,862
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	204	204	204
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	4.35	6.75	14.03

(m) Ladang Zutaland

Ladang Zutaland yang meliputi kawasan seluas kira-kira 197.20 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2091 dengan tempoh baki 91 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 181.9 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 3 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 15.29 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang dan tapak perumahan untuk kakitangan ladang. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan Februari hingga Jun 1996 dan masih lagi belum matang.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	-	228
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	-	181
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	-	0.79

(n) Ladang Longlive

Ladang Longlive yang meliputi kawasan seluas kira-kira 80.95 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2082 dengan tempoh baki 82 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Kretam di Daerah Kinabatangan, Sabah. Ia adalah lebih kurang 53 km ke timur laut bandar Lahad Datu dan 64 km ke tenggara bandar Sandakan.

Setakat 18 Februari 2000, lebih kurang 77.56 hektar telah ditanami kelapa sawit dengan umur purata 3 tahun. Kawasan tidak ditanam seluas kira-kira 3.39 hektar digunakan sebagai jalan masuk ke ladang ini. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini ditanam antara bulan September 1995 hingga Februari 1996 dan masih lagi belum matang.

Tuaian tahunan sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengeluaran FFB (TM)	-	-	-	-	104
Keluasan Hektar Ladang Matang	-	-	-	-	78
Kadar Hasil Sehektar Ladang Matang (TM)	-	-	-	-	1.34

(o) Ladang Fasgro

Ladang Fasgro yang meliputi kawasan seluas kira-kira 475.39 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2078 dan 31 Disember 2079 dengan tempoh baki 78 hingga 79 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 36 km ke barat laut bandar Lahad Datu, betul-betul menghadap Jalan Lahad Datu-Sandakan dan Jalan Jeroco.

Tanah ini yang dahulunya merupakan ladang koko telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit pada November 1999. Jumlah kos pembangunannya dianggarkan sebanyak kira-kira RMI,500 seekar.

(p) Ladang Tutico

Ladang Tutico yang meliputi kawasan seluas kira-kira 85.03 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2079 dengan tempoh baki 79 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Ulu Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 5 km ke barat Km 17 Jalan Lahad Datu-Sandakan.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Tanah ini yang dahulunya merupakan ladang koko telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit pada November 1999. Jumlah kos memajukan tanah ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM1,500 seekar.

(q) Ladang Segaco

Ladang Segaco yang meliputi kawasan seluas kira-kira 180.49 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2078 dengan tempoh baki 78 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 36 km ke barat laut bandar Lahad Datu, betul-betul menghadap Jalan Lahad Datu-Sandakan dan Jalan Jeroco.

Tanah ini yang dahulunya merupakan ladang koko telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit pada November 1999. Jumlah kos memajukan tanah ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM1,500 seekar.

(r) Ladang Topcrop

Ladang Topcrop yang meliputi kawasan seluas kira-kira 355.85 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2078 dengan tempoh baki 78 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 36 km ke barat laut bandar Lahad Datu, betul-betul menghadap Jalan Lahad Datu-Sandakan dan Jalan Jeroco.

Tanah ini yang dahulunya merupakan ladang koko telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit pada November 1999. Jumlah kos memajukan tanah ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM1,500 seekar.

(s) Ladang Supercrop

Ladang Supercrop yang meliputi kawasan seluas kira-kira 83.69 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2079 dengan tempoh baki 89 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Ulu Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 5 km ke barat Km17, Jalan Lahad Datu-Sandakan.

Tanah ini yang dahulunya merupakan ladang koko telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit pada November 1999. Jumlah kos memajukan tanah ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM1,500 seekar.

(t) Ladang Zuba

Ladang Zuba yang meliputi kawasan seluas kira-kira 1,008.97 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2078 dengan tempoh baki 78 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 154.8 km, Lebuhraya Sandakan-Lahad Datu.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pada November 1999, separuh daripada tanah ini, yang dahulunya merupakan ladang koko, telah ditanami semula sepenuhnya dengan kelapa sawit. Tarikh siap bagi penanaman semula sepenuhnya dijangkakan pada

Mac 2000. Jumlah kos memajukan tanah ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM1,500 seekar.

(u) Ladang UPSB

Ladang UPSB yang meliputi kawasan seluas kira-kira 48.56 hektar kini di bawah pegangan pajak dengan tempoh 99 tahun yang tamat pada 31 Disember 2074 dengan tempoh baki 74 tahun. Ladang ini terletak di kawasan Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Ia adalah lebih kurang 20 km ke barat laut bandar Lahad Datu, betul-betul menghadap Jalan Lahad Datu- Sandakan dan Jalan Jeroco.

Ladang UPSB dahulunya merupakan ladang koko. Pokok-pokok kelapa sawit di ladang ini telah ditanam antara bulan Oktober hingga November 1996 dan masih lagi belum matang.

Operasi Pengilangan:-

FFB yang dituai dari ladang-ladang di atas diproses menjadi CPO dan PK di kilang minyak sawit Kumpulan. Selain keluaran Syarikat sendiri, Syarikat juga membeli FFB dari ladang-ladang lain untuk menambah keupayaan pemrosesan.

Butir-butir mengenai dua (2) buah kilang CPO Kumpulan adalah seperti berikut:-

(a) Kilang Minyak Sawit UDPB

Kilang minyak sawit UDPB yang terletak di ladang UDPB telah didirikan pada tahun 1996 dan memulakan operasi pada suku keempat 1996. Kerja mempertingkatkan kilang ini daripada keupayaan 40 TM sejam kepada 80 TM sejam yang bermula pada Julai 1997 telah siap pada Ogos 1998. Pada masa ini, kilang ini memproses FFB yang diperolehi terutamanya dari ladang-ladang Kumpulan.

Bangunan utama kilang minyak sawit ini meliputi keluasan lantai 6,699m². Kilang ini mempunyai enam (6) talian pengeluaran beroperasi dalam dua giliran kerja sepuluh (10) jam pada musim puncak dan satu giliran kerja lapan (8) jam pada musim rendah.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Perangkaan pengeluaran kilang ini sepanjang tiga (3) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 sejak kilang ini memulakan operasinya ialah seperti berikut:-

	1997	1998	1999
Pengambilan FFB (TM):-			
Keluaran dalaman	47,083	145,966	154,540
Pembelian pihak ketiga	-	2,747	5,657
	<u>47,083</u>	<u>148,714</u>	<u>160,198</u>
Output (TM):-			
CPO	8,961	29,603	31,278
PK	2,031	6,154	6,623

(b) Kilang Minyak Sawit UOMSB

Kilang minyak sawit UOMSB terletak di Segama dalam Daerah Lahad Datu, Sabah. Kilang ini memulakan operasinya pada Oktober 1991. Kerja mempertingkatkan kilang ini daripada keupayaan 30 TM sejam kepada 40 TM sejam yang bermula pada Mei 1997 telah siap pada Ogos 1998. Kilang ini mempunyai peruntukan untuk berkembang kepada 60 TM sejam. Pada masa ini, kilang ini memproses FFB yang diperolehi terutamanya dari estet dan ladang-ladang berhampiran kerana ia kini beroperasi berdasarkan komersil semata-mata.

Bangunan utama kilang minyak sawit ini meliputi keluasan lantai 4,896 m². Kilang ini yang mempunyai tiga (3) talian pengeluaran beroperasi dalam dua giliran kerja sepuluh (10) jam pada musim puncak dan satu giliran kerja lapan (8) jam sehari pada musim rendah.

Perangkaan pengeluaran kilang ini sepanjang lima (5) tahun lalu berakhir 31 Mac 1999 ialah seperti berikut:-

	1995	1996	1997	1998	1999
Pengambilan FFB (TM):-					
Keluaran dalaman	59,215	84,317	36,104	5,560	3,929
Pembelian pihak ketiga	59,434	63,660	100,622	117,586	126,179
	<u>118,649</u>	<u>147,977</u>	<u>136,726</u>	<u>123,146</u>	<u>130,108</u>
Output (TM):-					
CPO	22,323	27,816	26,038	23,490	24,904
PK	5,454	6,723	6,045	5,469	6,145

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

6.6 Para Pengarah, Pasukan Pengurusan dan Kakitangan**(a) Lembaga Pengarah**

Tan Sri Ngan Ching Wen, berusia 68 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 9 April 1983. Beliau tamat pengajian daripada Nanyang University, Singapura dengan ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi pada 1962 dan memperolehi ijazah L.L.B. daripada Universiti Singapura pada 1966. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1967 dan beliau menjadi peguam selama beberapa tahun sebelum menceburi bidang perniagaan dan menjadi tokoh korporat sepenuh masa. Pada masa ini, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif. Beliau juga merupakan Pengerusi Group 5 International Investment Limited, iaitu sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang telah diperbadankan di Hong Kong dengan anak-anak syarikatnya bergiat dalam pembangunan harta dan pembinaan jalan di Republik Rakyat China. Selain itu, beliau adalah pengarah Kheng Hooi Plantations Bhd, sebuah syarikat yang bergiat dalam penanaman kelapa sawit yang telah diperbadankan di Malaysia, serta Chaya Bintang Berhad, iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang sekarang ini lengai.

Beliau merupakan Penasihat ACCCIM dan Presiden Kehormat KLSCCCI. Beliau juga merupakan Presiden Dewan Perniagaan dan Ekonomi Sino-Malaysia. Beliau adalah Pengarah Urusan Westmont Land (Asia) Berhad (dahulunya dikenali sebagai Ganda Holdings Berhad), iaitu sebuah syarikat pemegangan pelaburan dengan anak-anak syarikatnya terlibat dalam perladangan dan pembangunan harta dan WTK Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Samanda Holdings Berhad), iaitu sebuah syarikat pemegangan pelaburan dengan anak-anak syarikatnya terlibat dalam pengeluaran pita perekat dan keluaran getah dari awal 1980 hingga 1994.

Selain pengalamannya yang luas dalam bidang undang-undang, beliau juga memiliki pengalaman yang luas dan terpelbagai dalam sektor perdagangan termasuk pembangunan harta, perkitangan, ladang kelapa sawit, pengilangan dan kilang penapisan serta sektor perkhidmatan kewangan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi merangkap Pengarah Urusan UDPB pada 7 Januari 2000.

Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong, berusia 74 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 7 Julai 1994. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan selama lebih 40 tahun dan kini merupakan Pengarah Urusan Kwan Cheong Engineering (1976) Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam kerja-kerja kejuruteraan. Beliau adalah Ketua Setiausaha ACCCIM dan Timbalan Presiden KLSCCCI. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) dan Pengerusi Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia. Pengalaman beliau yang luas termasuk menguruskan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri telekomunikasi, insurans dan keluli.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Dato' Lee Seng Cheng, berusia 75 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 8 Disember 1987. Beliau mempunyai pengalaman yang lama dalam bidang perniagaan yang meliputi pembangunan harta dan perdagangan. Beliau adalah Pengerusi Lee Seng Cheng Holding Sendirian Berhad yang merupakan sebuah syarikat pemegangan pelaburan, Seng Cheng Realty Sendirian berhad, iaitu sebuah syarikat pemegangan pelaburan dan Kedah Realty Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat pembangunan harta. Beliau juga menjadi Pengerusi Ban Hock Leong Sendirian Berhad, iaitu sebuah agensi perdagangan. Beliau juga merupakan Penasihat kepada Dewan Perniagaan Cina Kedah dan Penasihat Kehormat ACCCIM.

Dato' Lee Choon @ Lee Chun, berusia 64 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 18 April 1991. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Taiwan National University yang diperolehnya pada tahun 1962. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Jurutera Profesional Malaysia. Beliau adalah Pengerusi Master Engineering Construction Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam kejuruteraan dan pembinaan, dan Guangzhou Hua Yi Plastics Co. Ltd., iaitu sebuah syarikat yang bergiat terutamanya dalam pengeluaran polisterena. Beliau adalah Penasihat Kehormat ACCCIM. Selain itu, beliau juga merupakan Presiden Kehormat Seumur Hidup Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Negeri Sembilan dan Persatuan Hokkien Negeri Sembilan.

Pengalaman beliau yang luas merangkumi bidang kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan dan pembinaan loji janakuasa, pengeluaran petrokimia dan projek hiliran, perdagangan kelengkapan dan alat-alat kejuruteraan bagi pembangunan harta dan perumahan.

En. Yuo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan, berusia 57 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 4 Februari 1993. Beliau adalah seorang kontraktor awam dan kontraktor kejuruteraan. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 26 tahun dalam perniagaan pengkontrakan, terutamanya dalam menstruktur pembinaan bangunan dan kerja-kerja awam. Beliau merupakan Penasihat kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina dan Penasihat Kehormat ACCCIM. Beliau merupakan Pengerusi Unico Credit Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan sewa beli, pemajakan, pendiskaunan blok dan pempfaktoran, dan Unico Acceptance Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang menyediakan kemudahan pinjaman dan kredit. Beliau adalah pengarah Amoy Canning Corporation (M) Bhd, iaitu sebuah syarikat perkilangan, dan beliau juga merupakan Pengerusi Easpam Realty Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat terutamanya dalam penanaman kelapa sawit.

En. Mew Jin Seng, berusia 60 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 18 April 1991. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains dalam Fizik dari Universiti Nanyang, Singapura pada tahun 1962. Beliau adalah Pengarah Urusan Batamas Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan Bata Kalsa, dan Dahol Machinery Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam perdagangan jentera berasaskan kayu. Beliau juga merupakan Penganjur Jawatankuasa Perdagangan ACCIM dan Naib Presiden KLSCCCI. Beliau juga adalah Pengarah Sekolah Tinggi Persendirian Chung Hwa.

Beliau mempunyai pengalaman perniagaan selama lebih 30 tahun dalam industri perbankan, perkilangan, pembangunan harta dan kelapa sawit.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Dr Yeong Cheong Thye @ Yeong Yue Chai, berusia 57 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 7 Januari 2000. Beliau memegang ijazah kedoktoran dalam Kimia dari University of London. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam perniagaan saudagar perdagangan. Beliau telah menjadi Pengerusi merangkap Pengarah Urusan Nam Leong Co Sdn Bhd sejak 1976 dan Amity Corporation Sdn Bhd sejak 1981, yang kegiatan utama syarikat-syarikat ini ialah pengimport makanan dalam tin, ubat-ubatan berpaten dan keluaran asli.

En. Teoh Hock Chai @ Tew Hock Chai, berusia 54 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga UDPB pada 7 Januari 2000. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 25 tahun dalam perniagaan sewa beli dan perdagangan kereta. Beliau telah menjadi Pengerusi Eksekutif Kumpulan ELK Sdn Bhd yang bergiat dalam perniagaan sewa beli, perdagangan kereta, agensi insurans, pusat servis auto dan perdagangan perabot sejak Oktober 1988. Beliau juga telah menjadi Pengerusi dan Pengarah Urusan Eng Lee Kredit Berhad, iaitu sebuah syarikat awam yang bergiat terutamanya dalam perniagaan pembiayaan sewa beli sejak 1971.

Beliau menjadi ahli Persatuan Penjual-penjual Kereta dan Syarikat Kredit Kuala Lumpur dan Selangor pada 1977 dan pada masa ini memegang jawatan Naib Presiden. Beliau juga menjadi ahli KLSCCCI pada 1977 dan pada masa ini adalah Penolong Bendahari Kehormat. Pada 1997, beliau menjadi Ahli Majlis Eksekutif Hospital Tung Shin.

(b) Pasukan Pengurusan

UDPB telah melantik personel pengurusan kanan utama yang berikut untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada operasi Kumpulan:-

Nama	Jawatan
Ooi Toon Kit	Pengurus Besar Kumpulan
Ang Poh Eng	Pengurus Besar (Operasi & Pemasaran)
Wong Choong Yee	Pengawal Kewangan/Setiausaha Syarikat
Jervis Chong Kat Fung	Penolong Pengurus Besar
Gan Tee @ Gan Chin Thian	Pengurus Kanan Kilang
Chow Mok Sam	Pengurus Kilang
Chew Beng Hock	Pengurus Ladang
Yeoh Cheang Chu	Pengurus Ladang
Ngui Chee Keong	Pengurus Ladang
Cheong Mann Siong	Pengurus Ladang

Butir-butir mengenai pasukan pengurusan UDPB ialah seperti berikut:-

En. Ooi Toon Kit, berusia 52 tahun, memperoleh ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Auckland, New Zealand dan kemudiannya ijazah Sarjana Perdagangan pada tahun 1973. Beliau adalah Akauntan Berkanun Bersekutu New Zealand dan ahli Chartered Institute of Secretaries and Administrators, New Zealand. Beliau juga merupakan ahli Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administration.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Dari tahun 1972 hingga 1977, beliau bekerja sebagai Akauntan Kewangan, dan kemudiannya sebagai Akauntan Pengurusan dengan Fletcher Timber Ltd., iaitu salah sebuah perbadanan perkayuan yang terbesar di New Zealand. Sekembalinya beliau ke Malaysia, beliau menyertai British Petroleum (M) Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat terutamanya dalam perniagaan petroleum, pada tahun 1977 sebagai Akauntan Kewangan dan Pengurusan. Pada tahun 1979, beliau menyertai Inchcape Malaysia Holdings Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat pemegang pelaburan, sebagai Akauntan Kumpulan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Pelaburan Kumpulan dan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Kumpulan. Beliau merupakan Pengurus Besar MAI Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat pemegang pelaburan, antara tahun 1986 hingga 1987. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan UDPB pada 8 Jun 1987.

En. Ang Poh Eng, berusia 45 tahun, memperoleh ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1977. Selepas memperoleh ijazah, beliau juga memperoleh Diploma Perakaumannya dari Universiti Malaya pada tahun 1977 dan kini merupakan MIA. Pengalaman bekerja beliau meliputi sektor awam dan juga swasta. Beliau berkhidmat sebagai Juruanalisis Kewangan dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia selama lebih kurang lapan (8) tahun sebelum meninggalkan sektor awam pada tahun 1985 untuk menyertai Dunlop Estates Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam penanaman kelapa sawit, sebagai Penolong Pengurus (Pembangunan Korporat). Pada tahun 1989, beliau meletakkan jawatan dari Dunlop Estates Bhd untuk menyertai National Semi Conductor Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat berasaskan elektrik, sebagai Akauntan Penyeliaan (Kewangan). Beliau menyertai Yong Kam Fook Plastic Industries Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat perkilangan, pada tahun 1990 untuk menjawat jawatan Pengurus Hal-ehwal Korporat. Pada tahun 1991, beliau berhenti dari syarikat tersebut untuk menyertai UHB sebagai Akauntan Kanan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Akauntan Kumpulan pada tahun 1992. Pada tahun 1995, beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar merangkap Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab dalam pemasaran dan kewangan bahagian perladangan. Pada 15 Oktober 1997, beliau telah ditukar dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar UDPB.

En. Wong Choong Yee, berusia 39 tahun, merupakan seorang akauntan dari segi profesinya. Beliau adalah ahli Chartered Institute of Management Accountants (UK) dan MIA. Pada tahun-tahun awal kerjayanya, beliau bekerja dengan Ahmad Abdullah & Goh sebagai pembantu audit. Beliau berhenti dari firma itu pada tahun 1988 untuk menyertai Westmont Land Berhad (dahulunya dikenali sebagai Ganda Holdings Berhad), sebuah syarikat pemegang pelaburan dengan anak-anak syarikatnya bergiat dalam perladangan dan pembangunan harta, dan WTK Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Samanda Holdings Berhad), sebuah syarikat pemegang pelaburan dengan anak-anak syarikatnya bergiat dalam pembuatan pita perekat dan keluaran getah, sebagai Penolong Akauntan. Pada pertengahan 1995, beliau berhenti dari syarikat itu untuk menyertai UHB sebagai Juruaudit Dalam. Pada awal tahun 1997, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Audit Dalam. Pada 15 Oktober 1997, beliau memegang jawatan sebagai Pengawal Kewangan merangkap Setiausaha Syarikat UDPB yang bertanggungjawab dalam bahagian pemegang dan perladangan, hal-hal kewangan dan perakaunan.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

En. Jervis Chong Kat Fung, berusia 45 tahun, mempunyai pengalaman yang luas dalam industri perladangan. Beliau mempunyai pengalaman tidak kurang daripada sembilan belas (19) tahun dalam industri ini. Beliau menyertai Bal Plantations, iaitu ladang yang dimiliki oleh Golden Hope Berhad pada tahun 1978 dan selepas itu beliau berhenti dari Bal Plantation pada tahun 1980 untuk menyertai Sipit Plantations, iaitu ladang yang dimiliki oleh Sipit Development Sdn Bhd. Pada tahun 1981, beliau kembali semula ke Bal Plantations sebagai Penolong Pengurus Kanan. Pada tahun 1990, beliau berhenti dari Bal Plantations untuk menyertai UDPB sebagai Pengurus Ladang. Pada tahun 1992, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar, iaitu jawatan yang dipegangnya sehingga kini, yang bertanggungjawab dalam operasi bahagian perladangan di Lahad Datu.

En. Gan Tee @ Gan Chin Thian, berusia 62 tahun, mempunyai pengalaman yang luas dalam operasi kilang minyak sawit. Beliau memegang Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Politeknik Singapura. Beliau juga merupakan Ahli Bersekutu The Society of Engineer, United Kingdom. Pada awal tahun 1980, beliau menjadi jurutera tetap kilang minyak sawit yang bertanggungjawab dalam operasi dan penyenggaraan kilang minyak sawit dengan Havys Oil Mill Sdn Bhd, iaitu syarikat yang bergiat terutamanya dalam pemprosesan FFB. Pada tahun 1980, beliau berhenti dari syarikat itu untuk menyertai L. S. Chong Enterprise Sdn Bhd, iaitu pemaju perumahan, sebagai jurutera pembinaan. Selepas itu, beliau menyertai Syarikat Hip Hing Sdn Bhd, iaitu kontraktor kilang minyak sawit serah kunci, sebagai Eksekutif Pengurusan Projek kilang minyak sawit yang terlibat dalam projek serah kunci kilang minyak sawit serta pembinaan dan pengubahsuaian pelbagai stesen di kilang minyak sawit. Pada tahun 1993, beliau berhenti dari syarikat itu untuk menyertai Taliworks Consortium Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang terlibat dalam rawatan air, sebagai Eksekutif Organisasi dan Mekanikal dan telah diamanahkan dengan tanggungjawab mengendalikan dan menyenggarakan Loji Rawatan Air Negeri Selangor di bawah program penswastasaan. Pada tahun 1996, beliau berhenti dari firma ini untuk menyertai Kumpulan Bumi Raya Utama di Indonesia, iaitu sebuah kumpulan syarikat yang bergiat terutamanya dalam penanaman kelapa sawit dan pengilangan FFB, sebagai Pengurus Kilang Minyak Sawit untuk menyelia pembinaan dan pengurusan kilang minyak sawit itu dengan cecap. Pada tahun 1988, beliau berhenti dari Kumpulan Bumi Raya Utama untuk menyertai UDPB sebagai Pengurus Kilang Kanan.

En. Chow Mok Sam, berusia 40 tahun, tamat pengajian dari Kolej Tunku Abdul Rahman pada tahun 1983 dengan memperoleh Diploma Mekanikal/Automotif dalam Kejuruteraan. Beliau juga memperoleh ijazah luaran dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Council of Engineer, London, United Kingdom. Pada tahun-tahun awal kerjayanya, beliau menyertai Top Plantation, iaitu ladang yang dimiliki oleh TDM Berhad, sebuah syarikat pemegang pelaburan yang menyediakan perkhidmatan pengurusan pada tahun 1983 sebagai Pembantu Kilang. Pada tahun 1987, beliau berhenti dari Top Plantation untuk menyertai Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn Bhd di Maran, Pahang, iaitu syarikat yang mengendalikan kilang minyak sawit, sebagai Pengurus Kilang/Jurutera. Pada tahun 1988, beliau meninggalkan Malaysia untuk bekerja sebagai Pentadbir/Jurutera dengan Nigerian Spanish Engineering Ltd, iaitu sebuah syarikat kilang keluli di Nigeria. Apabila beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1990, beliau menyertai Morisem Palm Oil Mill, sebuah kilang milik Morisem Sdn Bhd yang terletak di Lahad Datu, Sabah yang bergiat dalam pemprosesan FFB, sebagai Pengurus Kilang. Pada tahun 1993, beliau berhenti dari Morisem Palm Oil Mill untuk menyertai UOMSB sebagai Pengurus Kilang.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

En. Chew Beng Hock, berusia 46 tahun, mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam penanaman kelapa sawit dan getah. Beliau memperoleh diploma daripada Incorporated Society of Planters, iaitu kelayakan dalam pengurusan dan amalan perladangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa pada 1987. Pada tahun-tahun awal kerjayanya, beliau berkhidmat dengan Harrisons & Crosfield Ltd, iaitu sebuah syarikat berasaskan perladangan, Trengganu Development and Management Berhad, sebuah lagi syarikat berasaskan perladangan, dan Kulim Plantation Berhad, sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang bergiat dalam pengehuaran CPO dan PK di Johor. Pada tahun 1983, beliau bertugas dengan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah sebagai Pengurus Skim. Pada tahun 1988, beliau berhenti dari syarikat itu dan menyertai Boustead Plantation Agency sebagai Pengurus. Pada akhir tahun 1990, beliau berhenti dari Boustead Plantation Agency untuk menyertai UDPB sebagai Pengurus Ladang.

En. Yeoh Cheang Chu, berusia 49 tahun, mempunyai pengalaman yang luas dalam perladangan. Pada tahun-tahun awal kerjayanya, beliau menyertai Harrisons & Crosfield Ltd., sebuah syarikat berasaskan perladangan, sebagai konduktor ladang/kilang. Pada tahun 1981, beliau berhenti dari syarikat ini untuk menyertai Ladang Cantawan (S) Sdn Bhd, sebuah syarikat berasaskan perladangan sebagai Pengurus Ladang. Beliau berkhidmat dengan syarikat ini selama lebih kurang tujuh (7) tahun sebelum menyertai UDPB pada tahun 199 sebagai Pengurus Ladang.

En. Ngui Chee Keong, berusia 36 tahun, memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains dari University of Saskatchewan, Kanada dan Diploma Akuan daripada Incorporated Society of Planters. Beliau mula bekerja dengan Kretam Management Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam penanaman kelapa sawit, pada tahun 1987 sebagai Peladang Pelatih dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Ladang dan selepas itu sebagai Pengurus Ladang. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih sepuluh (10) tahun dalam pengurusan ladang kelapa sawit. Beliau meletakkan jawatan dari Kretam Management Sdn Bhd pada Ogos 1998 untuk menyertai UDPB sebagai Pengurus Ladang. Beliau diamanahkan dengan tanggungjawab menguruskan ladang-ladang yang dipegang di bawah UCorp.

En. Cheong Mann Siong, berusia 47 tahun, mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan ladang. Beliau mula bekerja sebagai Peladang Pelatih pada tahun 1978 dengan Sime Darby Plantations Berhad, iaitu sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikatnya, dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Ladang pada akhir tahun 1980. Pada tahun 1982, beliau berhenti dari Sime Darby Plantations Berhad untuk menyertai Ladang Koko Yayasan Tun Fuad dan Tun Razak, iaitu projek yaysan koko, sebagai Penolong Pengurus Kanan dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Bahagian Utara. Pada September 1985, beliau berhenti dari Ladang Koko Yayasan Tun Fuad dan Tun Razak untuk menyertai Syarikat Kretam Sdn Bhd, syarikat yang bergiat dalam penanaman kelapa sawit, sebagai Penolong Pengurus dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Ladang. Pada tahun 1998, beliau berhenti dari syarikat ini untuk menyertai PBB Oil Palm Berhad, iaitu sebuah syarikat tersenarai awam yang bergiat dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan FFB, penapisan CPO dan pemasaran minyak sawit bertapis serta keluaran berkaitan, sebagai Pengurus Bahagian. Pada awal tahun 1999, beliau menyertai UDPB sebagai Pengurus Ladang.

6. **MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)**

(c) **Kakitangan**

Setakat 18 Februari 2000, Kumpulan menggaji seramai 1,787 kakitangan. Pihak pengurusan Kumpulan mempunyai hubungan yang baik dengan kakitangan. Kakitangan Kumpulan tidak menjadi ahli mana-mana kesatuan ditubuhkan.

(d) **Pertalian Keluarga**

Tiada seorang pun daripada Pengarah dan pengurusan kanan mempunyai pertalian keluarga antara satu sama lain.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

6.7 Ringkasan Harta-harta

Harta-harta dipegang oleh Kumpulan UDPB pada 18 Februari 2000 adalah seperti berikut:-

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Nilai Buku Bersih pada 31.3.1998	Nilai Pasaran Terbuka ditaksir pada 15.8.1998	Pemilaian Diluluskan oleh SC	Lebihan Penilaian Semula Dituluskan	Nilai Buku Bersih pada 31.8.1999
				RM	RM	RM	RM	RM
UDPB								
CL 095316475	Ladang kelapa sawit & kilang minyak sawit (2 tahun)	6,829.60	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2081	112,145,143	170,952,000	165,200,000	53,054,857	116,266,191
CL 095316484								
CL 095316493								
CL 095316519								
CL 095316528								
CL 095316500 (nota a & d)								
CL 095316537 (nota a, c & d)								
Daerah Kinabatangan, Sabah								
UCorp								
CL 095322820	Ladang kepala sawit	43.82	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2092 & 31.12.2093	423,440	760,000	700,000	276,560	532,894
CL 095322839								
Daerah Kinabatangan, Sabah								
Esteemplan								
CL 095317221	Ladang kelapa sawit	200.5	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2087	2,553,872	4,620,000	4,510,000	1,956,128	2,448,084
Daerah Kinabatangan, Sabah								
Jumlah kecil				115,122,455	176,332,000	170,410,000	55,287,545	119,247,169

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Nilai Buku	Nilai Pasaran	Penilaian	Lebihan	Nilai Buku
				Bersih pada 31.3.1998 RM	ditaksir pada 15.8.1998 RM	Dituluskan oleh SC RM	Penilaian Semula Diluluskan RM	Bersih pada 31.8.1999 RM
<u>Jimery</u> CL 095317212 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	199.4	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2087	2,646,288	4,330,000	4,220,000	1,573,712	2,540,500
<u>Lajung Kelapa Sawit</u> CL 095317481 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	197.80	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2086	1,939,888	4,360,000	4,000,000	2,060,112	2,558,461
<u>Kesan Java</u> CL 095317543 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	198.10	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2086	1,782,296	4,330,000	3,970,000	2,187,704	2,375,467
<u>Pauvun</u> CL 095316251 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	384.0	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2085	4,519,731	8,220,000	7,970,000	3,450,269	4,509,779
Jumlah kecil				10,888,203	21,240,000	20,160,000	9,271,797	11,984,207

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Nilai Buku Bersih pada 31.3.1998 RM	Nilai Pasaran Terbuka ditaksir pada 15.8.1998 RM	Penilaian Difuluskan oleh SC	Lebihan Penilaian Semula Difuluskan	Nilai Buku Bersih pada 31.8.1999 RM
Builtec								
CL 095317356 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	196.9	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2088	1,841,336	4,220,000	3,870,000	2,028,664	2,194,348
Mantas								
CL 095317365 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	202.5	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2085	2,021,191	4,310,000	4,020,000	1,998,809	2,200,998
Marga Java								
CL 095317374 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	196.9	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2086	2,000,136	4,420,000	4,110,000	2,109,864	2,180,354
Tekad Murni								
CL 095317847 CL 095319010 CL 095318068 CL 095317838 CL 095317829 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	739.15	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2086, 31.12.2089 & 31.12.2091	6,987,127	15,150,000	14,140,000	7,152,873	8,156,407
Jumlah kecil				12,849,790	28,100,000	26,140,000	13,290,210	14,732,107

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Nilai Buku Bersih pada 31.3.1998 RM	Nilai Pasaran Terbuka ditaksir pada 15.8.1998 RM	Penilaian Dihuliskan oleh SC RM	Lebihan Penilaian Semula Ditulasan RM	Nilai Buku Bersih pada 31.8.1999 RM
<u>Sri Kundasang</u>								
CL 095317178 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	235.3	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2085	2,763,009	4,710,000	4,560,000	1,796,991	2,916,255
<u>Zutaland</u>								
CL 095321369 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	197.2	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2091	2,971,637	3,770,000	3,510,000	538,363	3,344,707
<u>Longlive</u>								
CL 095314579 Daerah Kinabatangan, Sabah	Ladang kelapa sawit	80.95	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2082	1,209,338	1,650,000	1,520,000	310,662	1,352,975
<u>UOMSB</u>								
CL 115357438 } (nota a & d) CL 115360186 }	Kilang minyak sawit (8 tahun)	28.236	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2077 & 31.12.2078	6,606,627	8,500,000	8,500,000	1,893,373	6,303,197
CL 115360195 (nota a, b & d) Daerah Lahad Datu, Sabah								
<u>UPSB</u>								
CL 115333438 Daerah Lahad Datu, Sabah	Ladang kelapa sawit	48.56	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2074	1,514,390	1,500,000	1,200,000	(314,390)	1,681,925
Jumlah kecil				15,065,001	20,130,000	19,290,000	4,224,999	15,599,059
JUMLAH				153,925,449	245,802,000	236,000,000	82,074,551	161,562,542

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Sebagai tambahan kepada yang di atas, harta-harta yang baru dibeli Kumpulan UDPB adalah seperti berikut:-

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Tarikh Dibeli	Balasan Pembelian RM	Nilai Buku Bersih pada 31.8.1999 RM	Nilai Pasaran Terbuka sebagaimana ditaksir pada 8.9.1998 RM	Penilaian Diluluskan oleh SC RM
<u>Pasiro</u>								
CL 115338880 } (nota e)	Ladang kelapa	475.39	Pajakan 99-tahun	1.7.1998	7,883,654	9,687,875	6,260,000	6,260,000
CL 115338899 }	sawit		tamat pada					
CL 115338906			31.12.2078 &					
CL 115339387			31.12.2079					
CL 115339592								
CL 115348386								
CL 115339396								
Daerah Lahad Datu, Sabah								
<u>Longcrop</u>								
CL 115339627	Ladang kelapa	355.85	Pajakan 99-tahun	1.7.1998	5,901,213	5,905,311	5,890,000	5,890,000
CL 115339636	sawit		tamat pada					
Daerah Lahad Datu, Sabah								
<u>Segaco</u>								
CL 115339645	Ladang kelapa	180.49	Pajakan 99-tahun	1.7.1998	2,993,223	3,472,464	2,450,000	2,450,000
Daerah Lahad Datu, Sabah								
<u>Tutico</u>								
CL 115342151	Ladang kelapa	85.03	Pajakan 99-tahun	1.7.1998	1,202,940	1,173,205	1,250,000	1,250,000
Daerah Lahad Datu, Sabah								
					17,981,030	20,238,855	15,850,000	15,850,000
					Jumlah kecil			

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMB)

Pemilik/Hak Milik/Lokasi	Keterangan / Kegunaan Semasa	Keluasan Tanah / Kawasan Dibina (hektar)	Pegangan	Tarikh Dibeli	Balasan Pembelian RM	Nilai Buku Bersih pada 31.8.1999 RM	Nilai Pasaran Terbuka sebagaimana ditaksir pada 8.9.1998 RM	Penilaian Diluluskan oleh SC RM
Supercron								
CL 115342160 (nota e) Daerah Lahad Datu, Sabah	Ladang kelapa sawit	83.69	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2079	1.7.1998	1,184,046	1,313,410	1,030,000	1,030,000
Zuba								
CL 115337945 (nota f) Daerah Lahad Datu, Sabah	Ladang kelapa sawit	1,008.97	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2078	31.12.1998	13,463,280	14,353,596	13,762,000	-
Jumlah kecil					14,647,326	15,667,006	14,792,000	1,030,000
JUMLAH					32,628,356	35,905,861	30,642,000	16,880,000

Lebihan penilaian semula yang dituluskan sebanyak RM82,074,551 akan digabungkan ke dalam akaun teraudit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2000. Apa-apa lebihan/(defisit) penilaian semula yang telah timbul daripada penilaian yang dijalankan oleh CH Williams Talhar & Wong (Sabah) Sdn Bhd ke atas harta-harta yang baru dibeli tidak akan digabungkan ke dalam akaun-akaun Kumpulan.

Nota:-

- Permohonan bagi pemikaran/pengendorsan bagi kilang minyak sawit UDPB dan UOMSB masih menunggu kelulusan.
- Permohonan bagi pengedaran hak milik tanah berasingan masih menunggu kelulusan.
- Permohonan telah dibuat oleh Syarikat pada 4 Mei 1999 bagi pemecahan bahagi CL 095316537. Walau bagaimanapun, kelulusan daripada Jabatan Tanah dan Ukur dalam Daerah Lahad Datu masih ditunggu.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB (SAMIB)

- (d) Syarikat tidak membuat apa-apa permohonan berhubung dengan pelan bangunan dan sijil pendudukan bagi kilang minyak dan sijiil pendudukan bagi kilang minyak memandangkan tanah terletak di luar bidang kuasa Majlis Daerah Lahad Datu. Walau bagaimanapun, Syarikat telah dimaklumkan oleh Majlis Daerah Lahad Datu melalui suratnya bertarikh 26 Jun 1990 bahawa ia tidak mempunyai bantahan dengan penubuhan kilang-kilang minyak sawit.
- (e) Menunggu keputusan rayuan mengenai premium.
